

Najib mahu rakyat, pemimpin sokong PM

Mandat besar pada pilihan raya lalu bukti Abdullah diterima

Oleh Kadir Dikoh, Misiah Taib, Ahmad Ghazali Musa, Anwar Hussin, Magendran Rajagopal, Azrina Ahzan, Mona Ahmad, Saufi Hamzah, Shamshul Azree Samshir, Rosli Abdul Jalil dan Mohd Idris Sulaiman

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu semua pemimpin, anggota parti dan setiap rakyat Malaysia supaya terus memberi sokongan padu terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau percaya Abdullah akan melakukan yang terbaik sepanjang menjadi Perdana Menteri seperti empat Perdana Menteri yang menerajui kepemimpinan sebelum ini.

"Setiap Perdana Menteri akan melakukan apa yang terbaik mengikut keadaan pada sesuatu ketika. Pada zaman Tun (Dr Mahathir Mohamad) jadi Perdana Menteri, saya percaya beliau juga sudah melakukan apa yang terbaik untuk negara.

"Seperti juga zaman ini, saya per-

caya Abdullah akan melakukan yang terbaik juga. Oleh itu, semua pihak perlu beri sokongan yang padu kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri.

"Beliau mendapat mandat besar dari rakyat dalam pilihan raya lalu," katanya pada sidang akhbar di Hotel Taj Mahal, di New Delhi, India, semalam. Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis.

Najib berkata, demikian ketika diminta mengulas mengenai kritikan terbaru yang dibuat Dr Mahathir terhadap Perdana Menteri, semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, setiap keputusan yang dibuat adalah secara kolektif dan Perdana Menteri tidak seharusnya dibebankan secara peribadi kerana semua keputusan dibuat barisan anggota Kabinet mengikut keadaan dan fakta.

"Pada masa yang sama, jasa Tun Dr Mahathir kepada negara akan sentiasa dihargai dan tetap dikenang oleh kita semua," katanya.

Sementara itu, Jamaludin ketika mengulas isu yang sama, turut me-

minta supaya semua pihak memberi sokongan yang tidak berbelah-bagi kepada Perdana Menteri.

"Setiap Perdana Menteri perlu membuat keputusan berdasarkan kepada keadaan semasa dan kepentingan jangka panjang... tumpuan kita mestilah untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sekali gus merealisasikan wawasan yang dicetuskan Dr Mahathir," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin, berkata Dr Mahathir perlu sedar walaupun beliau menamakan Pak Lah sebagai pengganti, Perdana Menteri sudah mendapat 'mandat baru' iaitu kepercayaan yang lebih besar daripada rakyat pada pilihan raya 2004.

"Sejak mengambil alih kepemimpinan negara, Pak Lah menggalakkan perbincangan terbuka dan mendengar pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan demi kepentingan rakyat.

"Kalau pun Dr Mahathir mahu menyalahkan Pak Lah, ia hanyalah kerana beliau mendengar, mengambil

kira dan membenarkan semua orang memberi pandangan.

"Pak Lah sentiasa mengalu-alukan setiap pandangan dan Dr Mahathir juga boleh beri pandangan, apatah lagi beliau ialah bekas Perdana Menteri namun akhirnya keputusan dibuat berdasarkan kepentingan nasional," katanya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula berkata, Tun Dr Mahathir ialah seorang pemimpin yang luar biasa bagi Malaysia dan ketika kepemimpinannya, Malaysia mencapai pelbagai kejayaan.

"Bagaimanapun, Abdullah perlu diberi peluang memimpin Malaysia dengan caranya sendiri dan saya percaya dengan restu Dr Mahathir serta sokongan rakyat, beliau akan menjadi pemimpin yang berjaya dan cemerlang.

"Beliau sentiasa sedia berunding dan semua keputusan Kabinet dibuat selepas semua orang diberi peluang menyuarakan pendapat. Kita semua bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat," katanya.